

# TARAHIDUP PETANI MELINGKAT

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

Oleh ASARI IBRAHIM

**TAHUN-TAHUN** kelibangan ini merupakan tahun-tahun yang mencabar kepada sektor pertanian negara. Keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu menyebabkan harga barangan utama negara termasuk hasil-hasil pertanian tempatan jatuh.

Harga getah masih rendah walaupun diramalkan akan pulih tahun depan. Begitu juga dengan harga nenas dan kelapa sawit. Bagaimanapun para penanam lada hitam di Sarawak dan Johor terutama, merupakan golongan yang paling teruk kerana harga terjejas dengan kejatuhan harga lada, menyebabkan ada di antara mereka yang mencari pekerjaan lain.

Bagi para pesawah pula, walaupun harga beras negara terkawal, mereka juga turut gelisah kerana musim kemarau yang agak berpanjangan baru-baru ini.

Keadaan sebegini bukan sekali dua dihadapi oleh para petani. Setiap kali keadaan ekonomi dunia kukar-kecir, mereka pasti terjejas.

Bagaimanapun, nasib petani-petani negara telah jauh berbeza kalau dibandingkan dengan keadaan mereka lima atau 10 tahun lalu.

Kalau dulu pendapatan seorang pekebun kecil getah yang mempunyai tanah kurang lima ekar berpendapatan kurang dari \$150 sebulan, kini ia berapua mendapatkan kurang \$250 sebulan.

Kerajaan berusaha menurunkan kadar kemiskinan di kalangan kaum petani serendah mungkin. Menurut jadual 3-1 buku Rancangan Malaysia Keempat (RME), kadar kemiskinan di kalangan sektor pertanian keseluruhan pada tahun 1970 adalah 68.3 peratus, 1975 tinggal 63 peratus dan 1980 59 peratus. Menurut lagi kepada 46.1 peratus.

Kedudukan ini dari segi peratusannya di kalangan isi rumah miskin ialah 73.6 peratus pada tahun 1970, 66 peratus 1975 dan 66 peratus pada tahun 1980.

Kadar kemiskinan tertinggi sekali di sektor pertanian terdapat di kalangan penanam padi 88.1 peratus pada tahun 1970, 77 peratus pada tahun 1975 dan 55.1 peratus tahun 1980.

Kedudukan ini diikuti pula oleh pekebun kecil getah: 64.7 peratus tahun

1970, 59 peratus tahun 1975 dan 41.3 peratus pada tahun 1980.

Dari perangkaan ini, kadar kemiskinan di kalangan penanam padi berkurangan 33 peratus dalam tempoh 10 tahun.

Para perancang ekonomi negara berpendapat, kadar yang menurun ini adalah memuaskan kerana melebihi kadar 73 peratus untuk tahun 1980 dan pengurangan 33 peratus itu pula dicapai dalam suasana keadaan cuaca kurang baik, harga pengguna yang kian meningkat serta kos input yang sentiasa meningkat.

Kadar kemiskinan di sektor padi ini juga dapat diukurkan menerusi langkah-langkah sektor awam dalam program talaiah, subsidi, khidmat perkombangan dan sokongan harga.

Bagaimanapun, kadar kemiskinan di kalangan penanam padi masih tinggi, kerana terdapat sebilangan besar tanah yang tidak ekonomik, tanah terbiar serta pengeluaran hasil rendah di kawasan luar skim pengairan yang sempurna.

Selanjutnya, penurunan kadar kemiskinan di kalangan pekebun kecil getah dari 64.7 peratus pada tahun 1970 kepada 41.3 peratus tahun 1980, adalah hasil daya pengeluaran yang bertambah baik serta harga tinggi dalam tempoh RMT.

## Benih

Prestasi menggalakani juga berikutan penanaman semula kebum-kebum kecil dengan benih berhasil tinggi. Lebih dari 135,100 kebum meliputi 279,000 hektar terlibat dalam skem penanaman semula dalam tempoh RMT. Dari sudut perangkaan di atas, jelas terbukti bahawa kadar kemiskinan di sektor pertanian keseluruhannya berkurangan 22.2 peratus dalam tempoh 10 tahun atau 16.9 peratus dari akhir RME sehingga awal RMT.

Usaha untuk membasm kemiskinan dan meninggikan taraf hidup rakyat bandar seperti yang termaktub di dalam Dasar Ekonomi Baru akan terus dijalankan.

Kerajaan 2M yang berjiwa rakyat yang memementingkan luar daripada perancangan, awal-awal lagi telah menekankan perlunya ditingkatkan daya pengeluaran negara.

Karena sedar

bahawa rakyat miskin luar bandar, rata-rata terdiri dari orang-orang Melayu, kerajaan mengarahkan supaya kesemua agensinya yang bertanggungjawab ke atas rakyat marhain itu supaya mengkaji semula kesemua rancangan pembangunan mereka. Yang baik, diteruskan dan yang tidak menguntungkan digalakkan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sendiri, apabila menyedari kesulitan yang dihadapi oleh penanam-penanam padi kerana dilanda kemarau yang berpanjangan baru-baru ini, serta merta mengumumkan kesediaan kerajaan membantu mereka.

Setiap ekar sawah padi akan diberikan bantuan \$90. Bantuan serta merta itu berjumlah \$11 juta.

Sesungguhnya, bantuan sebegini tidak harus dipertikaikan. Sekiranya, kerajaan benar-benar berminat membasm kemiskinan untuk merapatkan jurang pendapatan dan kehidupan rakyat negara ini, sektor luar bandarlah yang patut diberikan perhatian.

Peningkatan pendapatan serta penciptaan pekerjaan dalam sektor pertanian, harus dilaksanakan menerusi penambahan daya pengeluaran di kawasan-kawasan sedia ada dan pembekalan berbagai khidmat masyarakat dan pembukaan kawasan baru.

Perdasarkan data-data mengenai pekerjaan sektor dan kaum, 50.3 peratus dari jumlah guna tenaga dalam tahun 1970 adalah di sektor pertanian, 46.2 peratus tahun 1975 dan dijangka menurun ke tahap 32.6 peratus di akhir tempoh DEB — 1990.

Selanjutnya menurut perangkaan Malaysia, guna tenaga mengikut pekerjaan: pekerja di sektor pertanian adalah 52 peratus dari keseluruhan tenaga buruh dalam tahun 1970, tahun 75 ialah 47 peratus dan dijangka menurun kepada 33.6 peratus tahun 1990.

Jadi, jelaslah sektor pertanian membekalkan peluang guna tenaga terbesar sekali di negara ini, jika dibandingkan dengan sektor-sektor lain.

Menurut laporan RME, sektor pertanian mewujudkan 2,067,000 pekerjaan atau 40.6 peratus dari jumlah keseluruhan pada tahun 1980 berbanding dengan hanya 1,715,000 pekerjaan pada tahun 1970 walaupun peratusannya lebih tinggi sebanyak 50.5 peratus.

Berdasarkan perangkaan di atas, sektor pertanian mewujudkan 352,000 kerja baru dalam tempoh 1970-1980 ataupun secara purata 35,200 pekerjaan baru setiap tahun.

Sebahagian besar dari pekerjaan baru itu diwujudkan oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Lembaga Pemuliharaan dan Penebatan Tanah Negara (FELCRA) dan skem-skem pembangunan tanah negeri-negeri.

Jadi tidaklah dapat dinafikan usaha kerajaan menerusi projek dan program pertaniannya dalam RMT khususnya, telah menempah kejayaan.

Sektor pertanian mencatatkan pertumbuhan pengeluaran 5.7 peratus dalam RMK (1971-1975), 5.9 peratus dalam tempoh RMT (1976-1980) dan dijangka meningkat dalam tempoh RME.

Ini menggambarkan prestasi sektor pertanian dalam peningkatan pengeluaran keseluruhannya, bertambah 0.2 peratus dalam tempoh RMK kepada RMT tetapi menurun 2.8 peratus dari RMT kepada RME. Namun begitu, prestasi tahun ke tahun berdasarkan kepada tahun 1975 sebagai tahun asasnya, membuktikan pertambahan yang menggalakkan.

Contohnya, 16.11 peratus tahun 1976, 20.5 peratus tahun 1977, 21.9 peratus tahun 1978, 28.7 peratus tahun 1979, 33.3 peratus tahun 1980 dan 55.3 peratus tahun 1985. Ini membuktikan pertumbuhan 17.2 peratus dalam tempoh RMT.

## Getah

Sektor getah pula, mencatatkan pertumbuhan yang agak lembab dalam tempoh RMT: 11.3 peratus tahun 1976, 9.2 peratus tahun 1977, 8.7 peratus tahun 1978, 8.3 peratus tahun 1979 dan 8.3 peratus tahun 1980.

Bagaimanapun, sektor minyak kelapa sawit, komoditi yang meningkat prestasinya, mencatatkan pertumbuhan yang berbeza: 10.5 peratus dalam tahun 1976, 28.2 peratus tahun 1977, 41.9 peratus tahun 1978, 73.8 peratus tahun 1979, dan 105 peratus tahun 1980.

Sebagaimana demikian, sektor getah dan padi mengalami kadar pengeluaran yang lembab dalam tempoh RMT kerana cuaca buruk di negara ini — hujan lebat dan kemarau di luar musim yang diduga.

Keadaan sedemikian juga pernah terjadi dalam tempoh RMK akibat kemelesetan ekonomi dunia pada akhir tahun 1974 dan 1975.

Kerajaan, dalam usaha memajukan sektor pertanian, telah menubuhkan sebuah institusi kewangan khas membantu para petani di bidang kredit.

Institusi itu yang lebih dikenali sebagai Bank Pertanian Malaysia (BPM) ditubuhkan dalam tahun 1969 untuk membantu petani kecil mendapatkan teknologi baru. Keperluan penubuhannya dirasakan apabila kawasan padi di rancangan MUDA, mula ditanam dua kali setahun mengalami kekurangan modal.

Sebagai sebuah agensi kerajaan,

bank itu bergerak selaras dengan matlamat dasar kerajaan sebagaimana ditunjukkan dalam dasar dan pinjamannya.

Mula tahun ini, semua pinjaman bank untuk sektor pertanian akan disalurkan kerajaan melalui bank ini kecuali skem penanaman semula RISDA.

Langkah itu diambil selaras dengan pendekatan bank memenuhi keperluan kumpulan sasaran mereka terutama yang golongan berpendapatan di bawah garis kemiskinan.

Dengan itu, pihak bank akan menumpukan perhatian mereka kepada para petani kecil dan nelayan, di mana mereka mungkin tidak diperlukan untuk mengemukakan kertas kerja bagi mendapatkan pinjaman.

Pihak bank juga melaikan menyediakan pinjaman berkelompok kepada para penanam padi yang mempunyai sawah-sawah kecil bagi membolokkan mereka menambah pendapatan.

Di masa yang sama, BPM juga bersedia berunding dengan kerajaan negeri yang sanggup menyediakan tanah kepada mereka yang berminat untuk bertani secara sambilan. Pihak bank akan menyediakan bantuan kewangan di atas dasar berkelompok.

Langkah itu dirancang bagi mengurangkan kadar penghijrahan belia dari desa ke kota yang mengakibatkan setengah-setengah kawasa kekurangan tenaga kerja untuk mengerjakan tanah mereka.

Dalam tempoh 10 bulan pertama tahun lepas, pihak bank telah mengeluarkan pinjaman berjumlah \$20.4 juta, tanpa faedah dan \$22.8 juta dengan kadar faedah dua peratus.

Kedua-dua skem pinjaman itu yang ditujukan untuk membasm kemiskinan dan menyusun semula masyarakat dilancarkan Mei tahun lalu tetapi pelaksanaannya bermula 1 Januari 1981.

Dari jumlah pinjaman tanpa faedah itu, \$8.6 juta adalah untuk padi, \$6.1 juta untuk projek-projek pertanian. Dari jumlah pinjaman berfaedah dua peratus, sejumlah \$8.4 juta adalah untuk projek-projek pembangunan semulajana.

Pinjaman tanpa faedah adalah untuk semua sementara pinjaman dengan faedah dua peratus dikhaskan kepada Bumiputera sahaja.

**Sektor getah mencatatkan pertumbuhan yang agak lembab dalam tempoh RMT**

**Pihak Bank menumpukan perhatian kepada petani kecil dan nelayan**